



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA  
28 SEPTEMBER 2018**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH TAKLIMAT
<b>T/SUKNS/ BIL.2/2018</b>	Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Pejabat Dan Kawasan Wisma Negeri, Dewan Undangan Negeri (DUN) Dan Bangunan SUK Lama, Negeri Sembilan Darul Khusus  <b>Peringatan: Taklimat adalah diwajibkan. Hanya pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat tidak dibenarkan membeli borang sebut harga. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</b>	221001  &  221002	50.00 setiap satu borang	<b>11/10/2018 (Khamis)</b>  Masa: <b>10.00 pagi</b>  Tempat : <b>Bilik Mesyuarat Teratai Tingkat G, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban Negeri Sembilan</b>

Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat mulai **11 Oktober 2018** hingga **2 November 2018** di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa taklimat dan membeli dokumen tender.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 2 November 2018 (Jumaat)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender.